

RINGGIT

RAKAN KEWANGAN ANDA

Kisah Benar Agensi
Kaunseling dan
Pengurusan Kredit (AKPK):
Pasangan Usahawan
Terjerat Dalam Perangkap
Hutang

Berhati-Hati Dengan
Penipuan Pelaburan!

Rancang Perbelanjaan
Anda. Elak Pokai Selepas
Hari Raya Aidilfitri!

Gesaan Semakan Berkala
Dan Audit Pematuhan Bagi
Syarikat Insurans/Takaful
Demi Manfaat Pengguna



PADU
PANGKALAN DATA UTAMA

SUBSIDI DAN PENGGUNA: SUBSIDI BERSASAR MELALUI SISTEM PADU

ISSN 2180-3684



IMBAS KOD QR
UNTUK MUAT TURUN
MAJALAH RINGGIT



GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN
PENGGUNA MALAYSIA



Isi Kandungan

04 Subsidi Dan Pengguna: Subsidi Bersasar Melalui Sistem PADU



07 Kisah Benar Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK): Pasangan Usahawan Terjerat Dalam Perangkap Hutang



09 Berhati-Hati Dengan Penipuan Pelaburan!



12 Rancang Perbelanjaan Anda. Elak Pokai Selepas Hari Raya Aidilfitri!



15 Gesaan Semakan Berkala Dan Audit Pematuhan Bagi Syarikat Insurans/Takaful Demi Manfaat Pengguna



Sidang Redaksi

Penasihat

Prof Datuk Dr. Marimuthu Nadason
- Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang

Dato' Dr. Paul Selva Raj

Editor

Dr Saravanan Thambirajah

Sidang Pengarang

Maizatul Aqira Ishak
Nur Asyikin Aminuddin

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama antara Agensi Kaunseling dan Pegurusan Kredit (AKPK) dan FOMCA.

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia

No. 24, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor, Malaysia
Tel: +603 7876 4648
Faks: +603 7877 1076
E-mel: fomca@fomca.org.my
Sesawang: www.fomca.org.my

Agensi Kaunseling dan Pegurusan Kredit (AKPK)

Tingkat 1, Menara Aras Raya
Jln Raja Laut, City Centre
50350 Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Tel: +603 2616 7766
Sesawang: www.akpk.org.my

Financial Education Network (FEN)

Sesawang: www.fenetwork.my

Diurus Terbit Oleh

Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 24, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor, Malaysia
Tel: +603 7875 2392
E-mel: info@crrc.org.my
Sesawang: www.crcc.org.my

Rakan Kongsi Penerbitan Digital

Wordlabs Global Sdn Bhd
No.617, Block D, Kelana Square
17 Jalan SS7/26, Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya
Selangor, Malaysia
Tel: +603 7886 4933
Fax: +603 7803 0500
E-mel: info@wordlabs.com.my
Sesawang: www.wordlabs.com.my






Subsidi Dan Pengguna: Subsidi Bersasar Melalui Sistem PADU

Setiap negara biasanya mempunyai program perlindungan sosial untuk meringankan beban rakyat, terutama buat golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana. Antara program perlindungan sosial tersebut ialah pemberian tunai, penetapan harga siling barang keperluan serta subsidi minyak, elektrik, kesihatan dan pendidikan.

Di Malaysia, subsidi sudah menjadi kelaziman sejak sekian lama dan rakyat berharap ia menjadi amalan

yang berterusan. Hal ini berlaku kerana rakyat sudah terlalu biasa dengan perkhidmatan dan barang bersubsidi. Mereka merasakan ia sudah menjadi hak mereka yang tidak boleh dipisahkan. Namun, kebanyakan subsidi pada masa kini ialah subsidi berbentuk "*blanket*". Ini bermaksud semua orang layak menerima manfaatnya – daripada yang berpendapatan rendah sehingga berpendapatan tinggi. Subsidi sebegini tidak mencerminkan keadaan sebenar pasaran.

Hal ini akan mengakibatkan penggunaan yang berlebihan atau pembaziran dan juga masalah seperti barang kawalan yang disorok, diseludup, diseleweng, disalahgunakan dan juga isu ketirisan. Tambahan pula, hutang Persekutuan pada akhir tahun 2022 telah mencapai RM1.08 trilion. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM99.777 bilion atau 10.2% berbanding dengan RM979.814 bilion pada tahun 2021. Kementerian Ekonomi memperkenalkan PADU yang dilihat mampu mengurangkan ketirisan dan perbelanjaan subsidi yang ditanggung oleh kerajaan melebihi RM80 billion.



SISTEM PANGKALAN DATA UTAMA (PADU)

- 1** PADU berperanan untuk memastikan anda menerima manfaat berbentuk bantuan atau perlindungan (sekiranya layak) daripada pelbagai inisiatif kerajaan yang berfokuskan rakyat.
- 2** Semua rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas perlu mendaftar dan membuat semakan data di portal PADU.
- 3** PADU merupakan pangkalan data sosioekonomi negara yang bersepadan dengan menggabungkan data daripada jabatan dan agensi kerajaan bagi memberikan gambaran seadilnya mengenai kedudukan sosioekonomi setiap isi rumah rakyat Malaysia.

Bagi menangani masalah ini, kerajaan berusaha untuk membetulkan kedudukan kewangan negara dengan mencapai keseimbangan antara hasil dan perbelanjaan. Selain itu, amalan sistem subsidi yang menjadi amalan negara sejak puluhan tahun juga akan ditukar.

Salah satu pembaharuan utama adalah menggantikan mekanisme subsidi pukal yang memberi manfaat kepada semua, termasuk golongan berpendapatan tinggi. Ia bakal ditukar kepada satu kaedah yang menumpukan keperluan golongan yang lebih memerlukan bantuan melalui sistem yang dikenali sebagai **Sistem Pangkalan Data Utama (PADU)**.

PADU merupakan pangkalan data utama negara yang selamat dan komprehensif dan ke arah digitalisasi dan penghasilan analitik yang tepat. Semua rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas digalakkan mendaftar dan mengemaskinikan maklumat dalam PADU. Salah satu kepentingan pendaftaran PADU adalah untuk memastikan rakyat yang benar-benar layak akan mendapat manfaat, bantuan, dan perlindungan sosial. Selain itu, golongan yang kurang berkemampuan akan dipastikan tidak tercicir daripada menerima subsidi bersasar.

Dengan menggabungkan maklumat daripada pelbagai agensi kerajaan, risiko pertindihan data atau maklumat yang tidak konsisten dapat dikurangkan. Sebagai contoh, maklumat mengenai pendapatan akan menjadi sejajar dengan maklumat percukaian.

Hal ini memudahkan proses pengesahan dan membolehkan kerajaan memberikan bantuan kewangan seperti Skim Bantuan Sara Hidup (STR), MySara, dan Bantuan Lesen tanpa perlu pengguna mengisi maklumat berulang kali.

3 LANGKAH MUDAH DAFTAR PADU



Langkah 1: Maklumat Asas

Maklumat pendaftaran mestilah sama seperti yang tertera pada Kad Pengenalan. Isikan No. Telefon Bimbit dan e-mel yang sah serta aktif untuk penerimaan OTP.



Langkah 2: Pengesahan Akaun

Anda perlu mengisi OTP yang diterima melalui SMS. Permohonan semula diperlukan sekiranya anda tidak menerima OTP dalam tempoh yang ditetapkan atau tamat tempoh pengisian.



Langkah 3: Tetapkan Kata Laluan

Kata laluan mestilah mengandungi sekurang-kurangnya 8 aksara dengan kombinasi huruf kecil, huruf besar dan simbol istimewa (*%\$). Kata laluan ini diperlukan untuk log masuk bagi proses semakan dan pengemaskinian maklumat.

www.padu.gov.my

SEMAK DAN KEMAS KINI PROFIL SEBELUM 31 MAC 2024

Untuk maklumat lanjut mengenai PADU, sila layari laman sesawang ini:
www.padu.gov.my



Kisah Benar Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK): Pasangan Usahawan Terjerat Dalam Perangkap Hutang

En. Bahar dan isterinya Pn. Mizah mempunyai sumber kewangan yang cukup selesa. Mereka berjaya dalam perniagaan mereka sebagai pembekal produk yang sangat terkenal. Perniagaan mereka cukup berjaya sehingga menjadi salah satu daripada pembekal terbesar di Pantai Timur. Dengan perniagaan yang berkembang maju, mereka berpeluang untuk mengembangkan pelaburan. Mereka membeli beberapa harta tanah di Pantai Timur untuk meningkatkan lagi pelaburan dan aset mereka.

Memandangkan kedudukan kewangan mereka semakin mantap, pasangan tersebut membuat keputusan untuk membeli empat buah kereta baharu, dua daripadanya merupakan kereta mewah. Kesemua ini mereka beli untuk menarik perhatian 'downline'

dan pelanggan mereka. Walaupun sangat mahal untuk diselenggara, En. Bahar dan Pn. Mizah berkeras untuk memiliki juga kereta-kereta tersebut.

Disangka panas sampai ke petang, kiranya hujan tengah hari. Pada satu ketika, perniagaan pasangan ini mulai jatuh sehingga mereka terpaksa menggunakan wang simpanan untuk menampung perbelanjaan kereta-kereta tersebut. Akhirnya, tiada simpanan yang tinggal untuk perniagaan mereka. En. Bahar dan Pn. Mizah cuba membuat pinjaman bank untuk menyelamatkan perniagaan mereka tetapi gagal. Kekurangan pendapatan menyebabkan mereka terpaksa mengurangkan pembelian stok produk mereka. Lama-kelamaan mereka kehilangan pelanggan kerana tidak dapat memenuhi permintaan.

Pasangan tersebut terpaksa menggunakan 12 kad kredit untuk menampung perbelanjaan perniagaan. Mereka bukannya tidak tahu akan akibatnya, tetapi mereka sudah tidak mempunyai cara lain lagi untuk menyelamatkan perniagaan mereka selain menggunakan kad kredit. Perniagaan mereka ialah satu-satunya sumber kewangan dan mereka akan membuat apa sahaja untuk menyelamatkan perniagaan mereka termasuk menggunakan kad kredit yang mempunyai caj faedah yang tinggi.

CADANGAN DARIPADA PENASIHAT KEWANGAN AKPK

- 
- ▶ Menjual beberapa harta tanah yang tidak memberikan impak yang positif pada perniagaan.
 - ▶ Menjual kereta-kereta mewah mereka bagi mengurangkan perbelanjaan.
 - ▶ Berusaha mendapatkan pinjaman perniagaan selepas mengurangkan perbelanjaan yang besar untuk membayar balik pinjaman harta tanah dan kereta.
 - Pinjaman perniagaan itu akan mengurangkan penggunaan kad kredit yang mengenakan caj faedah yang tinggi. Ini dapat membantu meningkatkan kembali keuntungan dalam perniagaan mereka.
 - ▶ AKPK menstrukturkan semula kesemua 12 kad kredit mereka untuk menurunkan ansuran bulanan kad-kad kredit tersebut.

Mereka sangat terdesak untuk menyelamatkan perniagaan mereka demi menjamin kedudukan kewangan mereka di masa hadapan dengan jalan berhutang sehingga mereka terpaksa menanggung hutang melebihi RM1 juta. En. Bahar dan Pn. Mizah sudah tidak sanggup membelanjakan kesemua pendapatan mereka untuk membayar faedah kad kredit yang tinggi. Dengan kedudukan kewangan yang makin merosot,

mereka akhirnya terpanggil untuk mendapatkan pertolongan daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). En. Bahar dan Pn. Mizah sangat berterima kasih atas nasihat kewangan yang diberikan oleh AKPK. Mereka sekarang boleh menumpukan perhatian pada bayaran balik pinjaman dan hutang mengikut aliran tunai semasa di samping membangunkan kembali perniagaan mereka.



BERHATI-HATI DENGAN PENIPUAN

PELABURAN!

Peringatan kepada pelabur agar berwaspada apabila berdepan dengan janji pulangan yang tinggi tanpa risiko dan mengesahkan kebenaran serta mendapatkan nasihat daripada pihak yang berlesen.

PENIPUAN PELABURAN MELIBATKAN:

- ▶ Mereka yang mendakwa berurus niaga, menguruskan dan memberi nasihat tentang pelaburan tetapi sebenarnya tidak dilesenkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC).
- ▶ Mereka yang mengendalikan platform pelaburan, seperti bursa aset digital (*Digital Asset Exchange*, DAX) tanpa mendapat kebenaran.
- ▶ Mereka yang menerbitkan atau menawarkan sekuriti tanpa kelulusan, kebenaran atau pengiktirafan.
- ▶ Mereka yang menyalahgunakan nama dan logo SC.

JENIS-JENIS PENIPUAN PELABURAN



PENIPUAN FIRMA KLOK

Nasihat pelaburan palsu diberikan melalui platform dalam talian, kebanyakannya melalui *Telegram*, *Facebook* dan *WhatsApp*.

Modus operandi penipuan:

- ▶ *Scammer* dan syarikat tanpa lesen memberikan nasihat pelaburan atau menjalankan aktiviti-aktiviti pasaran modal. Mereka menyalahgunakan nama-nama *broker* dalam talian yang dikenali ramai, seperti *Rakuten*, *Bursa Malaysia* atau logo dan nama *SC*. Mereka memujuk mangsa untuk melaburkan wang. Namun, sebenarnya mangsa tidak akan mendapat wang mereka semula mahupun sebarang keuntungan.



DAX YANG TIDAK MENDAPAT KELULUSAN

Scammer mengendalikan DAX untuk membolehkan dagangan mata wang kripto dijalankan dalam kalangan mangsa. Walaupun ada pengendali DAX yang dilesenkan oleh *SC*, ada pihak lain yang mendakwa bahawa mereka mengendalikan aktiviti dagangan yang selamat, dikawal selia serta dilesenkan oleh "pihak berkuasa Malaysia" walaupun sebenarnya mereka tidak dilesenkan oleh *SC*.

Modus operandi penipuan:

- ▶ *Scammer* berpura-pura menjual mata wang kripto kepada mangsa dalam DAX tetapi apabila mangsa mendapat keuntungan, mereka tidak dapat mengeluarkan wang tersebut daripada akaun mereka.
- ▶ Jenis DAX yang terlibat dalam penipuan ini termasuk Mesin Juruwang Automatik Kripto (ATM kripto). ATM kripto ialah mesin yang membolehkan pelabur membeli dan/atau menjual aset digital seperti *bitcoin* dan *Ethereum* menggunakan tunai, kad debit/kredit atau e-wallet.


* Untuk kes mata wang kripto, Bank Negara Malaysia tidak mengiktiraf mata wang kripto sebagai wang yang sah (legal tender). Oleh itu, tidak terdapat undang-undang untuk melindungi pemegang mata wang kripto di Malaysia.

APA YANG PERLU ANDA TAHU?



- ▶ Pengguna perlu berwaspada jika ada pihak mempromosikan pelaburan dengan menjanjikan pulangan yang terlalu tinggi (apa-apa kadar pulangan melebihi 10% memang amat mencurigakan) untuk pelaburan yang berisiko "rendah".
- ▶ Mangsa penipuan dan penggubahan wang haram di platform tidak berlesen mungkin tidak akan dapat mengambil apa-apa tindakan undang-undang kerana penipu sudah tidak dapat dikesan.
- ▶ Sebelum membuat keputusan untuk melabur, semak maklumat daripada sumber yang boleh dipercayai seperti:
 - Semak Mule (oleh Polis Diraja Malaysia)
 - Senarai Makluman Bank Negara Malaysia (BNM)
 - Suruhanjaya Sekuriti (SC)
 - 'Be an alert investor' (oleh Bursa Malaysia)
- ▶ Hanya lakukan proses jual beli dengan SC.

APA YANG BOLEH ANDA LAKUKAN JIKA ANDA MENDAPATI ADA SESUATU YANG MERAGUKAN?



SC sentiasa mengingatkan para pelabur agar sentiasa berwaspada dan mengesahkan kesahihan maklumat sebelum membuat keputusan pelaburan. Pelabur diingatkan supaya berhati-hati terhadap risiko penipuan dan, sekiranya curiga, mendapatkan nasihat daripada individu yang telah dilesenkan oleh SC.

Orang ramai yang telah menemui mana-mana laman sesawang yang mencurigakan, e-mel yang berkaitan dengan nasihat pelaburan atau apa-apa aktiviti dan perkhidmatan pasaran modal yang lain, boleh menghubungi SC di talian +603 6204 8999 atau e-mel ke aduan@seccom.com.my.

Pelabur juga boleh merujuk laman sesawang SC untuk mengetahui tentang amaran dan peringatan yang dikeluarkan. Untuk maklumat lanjut mengenai pelaburan dan pendidikan pelabur, layari laman **BijakLabur** dan laman **Facebook InvestSmartSC**.

Rancang Perbelanjaan Anda. Elak Pokai Selepas Hari Raya Aidilfitri!



Seperti yang kita tahu, perbelanjaan untuk sesi baharu persekolahan, bulan Ramadan dan bulan perayaan adalah antara yang memerlukan perbelanjaan besar. Kebetulan pada tahun ini pula, ketiga-tiganya berlaku dalam tempoh waktu yang agak dekat.

Rancang perbelanjaan

Mungkin selepas cuti Hari Raya Aidilfitri, ramai yang tidak berani untuk melihat baki wang simpanan dalam akaun bank mereka. Kenyataan yang perlu dihadapi mungkin tidak akan menenangkan hati – sama ada baki wang mencukupi atau tidak mampu bertahan sehingga ke akhir bulan. Lebih menakutkan lagi apabila tiada langsung baki atau simpanan dalam akaun bank.

Itulah kesan perbelanjaan yang tiada perancangan bagi sesi baharu persekolahan, bulan Ramadan, dan bulan perayaan yang berlaku dalam tempoh waktu yang agak dekat. Pengguna lazimnya tidak begitu

memikirkan soal perancangan kewangan bagi musim sebegini. Natijahnya, perbelanjaan menjadi tidak terkawal atau berlebihan.

Ibu bapa terutamanya, pasti runting dan panik memikirkan perbelanjaan untuk keperluan. Kegagalan membuat perancangan lebih awal adalah antara punca berlakunya situasi panik dalam kalangan ibu bapa apabila terpaksa membuat persediaan secara serentak bagi perbelanjaan sekolah, sambutan bulan Ramadan dan bulan perayaan tahun ini.

Menurut pakar kewangan pengguna Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), iaitu Prof. Dr. Mohamad Fazli, seharusnya perancangan dan persiapan dapat dilakukan lebih awal sebagai persediaan. Amalan ukur baju di badan sendiri dan utamakan perkara yang lebih penting juga perlu dijadikan panduan dalam menguruskan perbelanjaan sehari-hari.

TIP UNTUK BERBELANJA SECARA BIJAK SEMPENA SESI BAHARU PERSEKOLAHAN, BULAN RAMADAN DAN BULAN PERAYAAN PADA BULAN MAC DAN APRIL INI:



1. BELANJAWAN KELUARGA


Setiap keluarga perlu membuat belanjawan bersama semua ahli keluarga, melibatkan suami isteri dan anak-anak; mereka perlu duduk berbincang mengenai perbelanjaan tahun itu.

Daripada belanjawan tersebut, mereka akan tahu sekiranya tahun ini ada defisit belanjawan kerana ada tiga keperluan besar yang menjadi tumpuan. Jika ada defisit, mereka perlu merancang untuk menambah pendapatan seperti memotong perbelanjaan yang tidak perlu dan membuat kerja lebih masa.

Memandangkan Aidilfitri merupakan satu perayaan utama bagi umat Islam di negara ini, ibu bapa diharap tidak begitu boros dan tidak bersikap “biar papa asal bergaya”. Walau bagaimanapun ibu bapa boleh memanfaatkan tawaran jualan diskaun atau promosi barang untuk mengurangkan perbelanjaan serta menukar gaya hidup dengan memilih barang yang lebih murah namun masih berkualiti.

2. BIJAK BERBELANJA

Seperti yang kita sedia maklum, kerajaan telah memperuntukkan Bantuan Awal Persekolahan (BAP) sebanyak RM150 untuk seorang pelajar bagi membantu mengurangkan beban kewangan ibu bapa. Oleh itu, ibu bapa perlu tegas dalam pembelian barang sekolah agar tidak melebihi bajet. Begitu juga dengan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) yang perlu dirancang dan digunakan dengan sebaiknya.



Ibu bapa perlu menyediakan bajet yang realistik dan mengikut kemampuan kewangan masing-masing. Kita perlu lebih bersedia untuk berubah dari segi gaya hidup dan cara berbelanja. Utamakan soal “kesederhanaan” dalam semua aspek kehidupan termasuk persiapan dan perbelanjaan persekolahan, bulan Ramadan, dan bulan perayaan. Sediakan senarai keperluan dan barang yang ingin dibeli dan wajibkan diri untuk mengikut apa yang dirancang atau dengan kata lain berdisiplin dalam berbelanja. Utamakan perbelanjaan mengikut kepentingan.



3. ELAK TAMBAH HUTANG

Elak daripada membuat dan menambah "hutang baharu" yang tidak bersifat keperluan terutama sekali seperti "SPayLater" atau "Buy Now Pay Later". Hal ini kerana, hutang seperti itu hanya akan membuatkan anda lebih terbeban untuk membayarnya apabila sudah sampai masa hutang tersebut perlu dibayar.

4. LAKUKAN TINJAUAN

Ibu bapa perlu melakukan tinjauan dengan membuat perbandingan harga di kedai-kedai yang menjual barang sekolah termasuklah yang dijual secara dalam talian. Hal ini penting supaya anda tidak mudah tertipu dengan kempen jualan murah yang diadakan di pasaran.



Kesimpulannya, mengenai perbelanjaan besar yang bakal dihadapi oleh ibu bapa pada bulan depan, ingin diingatkan bahawa keperluan sekolah sewajarnya diutamakan terlebih dahulu berbanding dengan sambutan bulan Ramadan dan bulan perayaan yang lebih menjurus kepada perbelanjaan kehendak.





Gesaan Semakan Berkala Dan Audit Pematuhan Bagi Syarikat Insurans/Takaful Demi Manfaat Pengguna

Insurans/takaful ialah komponen penting dalam perancangan dan pengurusan kewangan. Sebagai contoh, insurans/takaful kesihatan dapat melindungi pengguna daripada membayar bil perubatan yang tinggi ketika ini.

Insurans hayat/takaful keluarga pula dapat melindungi keluarga sekiranya berlaku kematian ketua keluarga atau pencari nafkah. Tanpa insurans hayat/takaful keluarga, sesebuah keluarga akan kucar-kacir jika ada ahli keluarga yang meninggal dunia.

Namun hakikatnya, ramai rakyat Malaysia yang masih belum mengambil perlindungan insurans/takaful yang

mencukupi. **30 tahun lalu, hanya 1 daripada 10 rakyat Malaysia mempunyai polisi insurans hayat/takaful keluarga. Pada tahun 2018, jumlah itu meningkat tetapi hanya 3.5 bagi setiap 10 rakyat Malaysia.** Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) melaporkan bahawa kebanyakan pelanggan insurans/takaful tidak mengambil perlindungan yang mencukupi.

Di samping itu, kos perubatan kini adalah sangat tinggi. Sebanyak 38% pengguna membayar bil perubatan mereka dengan menggunakan duit poket sendiri. Perbelanjaan di luar poket (*Out of pocket - OOP*) juga telah meningkat.

Pada tahun 2020, rakyat Malaysia telah membelanjakan sebanyak RM22.6 bilion untuk penjagaan kesihatan bagi perbelanjaan OOP. Pada tahun 2021, ia telah meningkat kepada RM26.6 bilion. Bukan sahaja individu yang terkesan tetapi mereka yang berkeluarga juga turut merasa beban kewangan tersebut.

Sistem penjagaan kesihatan awam dan swasta

Kira-kira 65% penduduk menggunakan sektor perkhidmatan kesihatan awam tetapi hanya 45% doktor dan 25% pakar perubatan yang berkhidmat dalam sektor ini. Oleh sebab itu, sistem penjagaan kesihatan awam Malaysia kini berada dalam keadaan yang tertekan akibat pesakit yang terlalu ramai berbanding dengan sumber negara yang sangat terhad. Antara cabaran dalam sistem penjagaan kesihatan awam ini ialah waktu menunggu untuk mendapatkan rawatan yang terlalu lama di samping kekurangan katil hospital untuk kemasukan wad.

Memandangkan sistem penjagaan kesihatan awam dilihat amat tertekan, pengguna terpaksa beralih ke penjagaan kesihatan swasta. Namun begitu, penjagaan

kesihatan swasta pula terlalu mahal kerana harga penjagaan hospital swasta tidak dikawal oleh kerajaan. Natijahnya, pengguna terpaksa membayar sejumlah besar wang yang berada di luar kemampuan mereka demi mendapatkan rawatan. Ditambah pula dengan peningkatan kos sara hidup yang amat ketara, maka kos penjagaan kesihatan boleh memberi kesan negatif kepada pengguna, terutamanya golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mencadangkan perbelanjaan bagi penjagaan kesihatan awam adalah sehingga 5 - 7.5% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tetapi perbelanjaan kesihatan awam bagi negara Malaysia hanyalah 2.4% daripada KDNK.

Keperluan celik kewangan

Oleh itu, celik kewangan adalah sangat penting untuk memperkasakan pengguna dalam mengurus kewangan mereka dengan baik. Mereka perlu mempunyai simpanan yang mencukupi dan mampu menguruskan hutang mereka dengan baik. Tahap celik kewangan yang tinggi adalah penting untuk memastikan pengguna melindungi keluarga dan aset mereka melalui insurans/takaful. Pada ketika ini, insurans/takaful kesihatan sangat berguna untuk membayar bil perubatan sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini seperti penyakit yang memerlukan pembedahan, kemalangan dan sebagainya.

Namun pada 2021, hanya 7.1% daripada pembiayaan penjagaan kesihatan adalah daripada syarikat insurans/takaful swasta. Apabila premium telah melambung tinggi, ia turut memberi kesan kepada pengguna golongan berpendapatan rendah dan sederhana kerana tidak mampu membayar premium tersebut.

Menurut syarikat insurans/takaful, peningkatan kos perubatan dan kenaikan caj hospital swasta adalah kerana premium insurans yang lebih tinggi. Bagi mereka yang mempunyai polisi insurans/takaful sedia ada, klausa variasi *unilateral* dalam polisi mereka ada mengatakan bahawa syarikat insurans/takaful mempunyai hak untuk menyemak polisi bagi tujuan pembaharuan, contohnya menaikkan caj premium insurans/takaful. Syarikat insurans/takaful sepatutnya boleh mengecualikan klausa tersebut dalam polisi baharu bagi penyakit yang telah dituntut dan diselesaikan.

Cabaran pengguna

Apabila pengguna sukar untuk mendapatkan maklumat terperinci berkenaan dengan produk polisi insurans/takaful, ia akan menjasakan pemahaman mereka mengenai produk tersebut. Ini seterusnya akan menghalang pengguna untuk membandingkan kebaikan dan keburukan produk sebelum membeli atau memperbaharui pilihan polisi insurans/takaful yang terbaik untuk diri mereka. Syarikat insurans/takaful harus diberi mandat untuk mendedahkan kepada pengguna mengenai pembolehubah yang digunakan dalam menentukan premium dan bagaimana premium dikira, terutama sekali apabila ia melibatkan pembaharuan polisi.

Selain itu, pengguna sangat bimbang dengan kes tuntutan perubatan yang tiada kepastian kerana syarikat insurans/takaful sering menggunakan alasan yang berbeza untuk mengehadkan liabiliti mereka.

Istilah yang kompleks dalam polisi terbuka kepada tafsiran yang berbeza-beza, dan soalan yang terkandung dalam borang adalah tidak spesifik dan agak abstrak menyebabkan kekeliruan dan kesukaran kepada pemegang polisi untuk memahami kandungan polisi.





Penggunaan istilah yang kompleks seperti “*non disclosure*” dan kandungan yang agak abstrak dalam polisi memberi peluang kepada syarikat insurans/takaful untuk menolak pampasan atau menamatkan polisi apabila pemegang polisi membuat tuntutan. Salah satu istilah yang paling biasa digunakan ialah “syarat sedia ada”, yang bermaksud bahawa penyakit yang wujud semasa pembelian tidak layak untuk mendapat tuntutan. Istilah caj “munasabah”, memberi syarikat insurans/takaful hak untuk menilai caj doktor atau hospital yang dikemukakan dalam tuntutan untuk menentukan sama ada caj tersebut akan dibayar balik kepada pemegang polisi. Hal ini hanya berlaku apabila pemegang polisi memfailkan tuntutan.

Oleh sebab itu, apabila pengguna memohon perlindungan insurans/takaful, kebanyakannya gagal untuk memahami terma dan syarat, faedah dan had termasuk terma dan proses pembaharuan yang terkandung dalam polisi serta prosedur tuntutan.

Penyata Pendedahan Produk (*Product Disclosure Sheet - PDS*)

Oleh itu, Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC) menggesa Bank Negara Malaysia dan pihak kerajaan yang berkaitan untuk sentiasa membuat semakan secara berkala dan melakukan audit bagi memastikan syarikat insurans/takaful mematuhi keperluan kawal selia untuk menyediakan Penyata Pendedahan Produk (*Product Disclosure Sheet - PDS*) kepada pelanggannya.

PDS akan membantu pengguna memahami polisi insurans/takaful mereka dan memberikan mereka maklumat yang mencukupi mengenai terma dan syarat, faedah polisi dan pengecualian yang membolehkan pengguna membandingkan polisi insurans/takaful yang berbeza dan membuat keputusan termaklum mengenai polisi yang memenuhi keperluan mereka. Pengguna harus memahami sepenuhnya PDS mereka.

APA ITU PDS

- ▶ Dokumen undang-undang penting yang menjadi sebahagian daripada kontrak insurans/takaful.
- ▶ Ditulis dalam bahasa yang mudah dan memberikan penerangan penuh mengenai semua terma dan sekatan polisi insurans/takaful.
- ▶ Merangkumi perihal ciri, faedah, kos dan risiko yang berkaitan dengan polisi.
- ▶ Merangkumi akibat tidak membayar premium tepat pada masanya.
- ▶ Menyatakan dengan jelas jumlah yang akan diperoleh oleh syarikat insurans/takaful apabila polisi matang.
- ▶ Syarikat insurans/takaful mesti menunjukkan perbandingan antara premium tahun sebelumnya dan premium semasa dan menyertakan penjelasan tentang cara premium baharu dikira, untuk sebarang notis pembaharuan kepada pelanggan sedia ada.

Sekiranya mereka mempunyai sebarang pertanyaan atau keraguan, mereka harus menelefon syarikat insurans/takaful dan meminta maklumat lanjut. Pengguna harus berpuas hati dengan kandungan polisi berdasarkan keperluan mereka sebelum mereka membelinya.

Cadangan lain kepada kerajaan dan industri insurans/takaful adalah termasuk memanjangkan had umur untuk perlindungan insurans/takaful kerana jangka hayat purata pengguna Malaysia dijangka meningkat, merangkumkan keadaan sedia ada

yang tidak diketahui, menyeragamkan terma polisi, dan menambah baik reka bentuk borang permohonan insurans/takaful untuk meminimumkan pertikaian.

Perlu diingatkan bahawa kekurangan pelaburan dalam aspek penjagaan kesihatan memberi kesan yang buruk kepada kebijakan pengguna Malaysia.

Sila layari www.nccc.org.my dan klik **E-ADUAN** untuk membuat sebarang aduan. Pengguna juga boleh menghubungi NCCC di talian **03-7877 1076**.

Pembiayaan penjagaan kesihatan awam harus ditingkatkan kepada sekurang-kurangnya **5% daripada KDNK dalam tempoh lima tahun yang akan datang.**

TIP KESELAMATAN PERBANKAN INTERNET

JANGAN KONGSI ID PENGGUNA, KATA LALUAN DAN TAC/OTP DENGAN SESIAPA



Termasuklah keluarga atau rakan

ELAKKAN KATA LALUAN YANG MUDAH DITEKA SEPERTI TARikh LAHIR DAN NAMA



PASTIKAN LAMAN WEB PERBANKAN BETUL DAN SAH

Semak ciri keselamatan URL seperti ikon mangga dan https



JANGAN GUNA RANGKAIAN WIFI AWAM



JANGAN KLIK PAUTAN YANG MENCURIGAKAN



Pihak bank tidak akan menghantar pautan melalui SMS, WhatsApp atau e-mel

PANTAU TRANSAKSI AKAUN BANK



Semak setiap notifikasi daripada bank bagi memastikan transaksi yang sah. Laporkan kepada bank dengan segera sekiranya terdapat transaksi yang mencurigakan

JOM DIGITAL DENGAN YAKIN